

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 20, 2019 6:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Rezeki Bulan Ramadan Terima Watikah Kenaikan Pangkat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 MEI 2019 / 15 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

REZEKI BULAN RAMADAN TERIMA WATIKAH KENAIKAN PANGKAT



UUM ONLINE: Ramadan memberi rezeki kepada 20 staf akademik Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila mereka telah menerima watikah kenaikan pangkat yang disampaikan Naib Canselor pada Majlis Pelancaran Zakat dan Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat di Foyer Canselori, pagi tadi.

Penerima, Prof. Dr. Rusniah Ahmad dari Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) berkata, setelah berkhidmat selama 26 tahun di UUM, beliau telah diberi penghormatan di atas kenaikan pangkat tersebut, tambah-tambah lagi di bulan yang mulia ini.

"Saya bersyukur dan gembira kerana pada bulan Ramadan ini telah diberikan rezeki bermakna dengan kenaikan pangkat ke Profesor VK7 setelah sekian lama berkhidmat di universiti tercinta.

"Pada masa sama juga, saya berasa bangga dan gembira kerana diberi penghormatan tersebut dan harapan saya agar dapat memenuhi amanah diberikan, seterusnya dapat

menyumbang tenaga dan buah fikiran sebagai seorang profesor kepada universiti yang tercinta," katanya.

Tambahnya lagi, beliau berharap semoga perkhidmatannya di UUM akan diberkati Allah dan universiti ini dapat terus maju bersama-sama dengan seluruh warga kampus.

Sementara itu, pensyarah dari SOL, Prof. Madya Dr. Khadijah Mohamed turut melahirkan rasa syukur di atas penerimaan kenaikan pangkat ke jawatan sebagai Prof. Madya.

Menurutnya, beliau berharap dengan penganugerahan kenaikan pangkat itu akan menjadi perangsang dan memberi semangat untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi pada masa hadapan demi menjulang nama UUM di persada antarabangsa khususnya.

"Alhamdulillah dengan rezeki diberikan tahun ini khasnya di bulan mulia ini, saya juga bakal mengikuti latihan selama 15 hari di Geneva, Switzerland dengan mendapat tajaan penuh dibawah United Nation (UN), World Trade Organization (WTO) dan World Intellectual Property Organization (WIPO)," katanya yang merupakan Timbalan Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC).

Pada Majlis tersebut, seramai 20 staf akademik terdiri seorang Profesor VK7, 12 Prof. Madya (DS54), empat pensyarah kanan (DS52) dan tiga guru bahasa (DG44) telah menerima watikah kenaikan pangkat.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.